

**Jadual****BIZALERT****1.0 DEFINISI**

Akaun	bermaksud akaun semasa yang ditetapkan oleh Pemohon di dalam Borang Permohonan untuk Perkhidmatan.
Pengguna yang Diberi Kuasa	bermaksud setiap individu yang dilantik oleh Pemohon untuk menerima Notifikasi.
Notifikasi	bermaksud maklumat yang terkandung dalam mel elektronik ("e-mel") dan perkhidmatan pesanan ringkas ("SMS") atau media lain yang dianggap wajar oleh pihak Bank berkenaan dengan Perkhidmatan.
Perkhidmatan	bermaksud perkhidmatan menyediakan Notifikasi.
Had Ambang Transaksi	bermaksud had ambang seperti yang dipilih oleh Pemohon dalam Borang Pemohon.

**2.0 AKAUN DAN AKSES**

Pemohon yang telah membuka Akaun bersama pihak Bank dan telah menghantar borang Permohonan untuk langganan Perkhidmatan.

**3.0 KEBENARAN PEMOHON**

3.1 Pemohon dengan ini bersetuju dan memberi kuasa kepada pihak Bank untuk:-

- (a) menghantar Notifikasi kepada Pengguna yang Diberi Kuasa yang ditunjukkan dalam Borang Permohonan;
- (b) Pemohon dengan nyata memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk mendedahkan Notifikasi dalam pengguna Dibenarkan;
- (c) Pemohon dengan nyata memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk mendedahkan Notifikasi itu menurut permintaan yang sah, atau mematuhi undang-undang yang terpakai, atau apabila pihak Bank percaya adalah perlu untuk mematuhi undang-undang, bagi melindungi kepentingan atau hartanya, untuk mencegah penipuan atau aktiviti haram yang lain melalui Notifikasi;
- (d) Pemohon memberi kuasa kepada pihak Bank untuk menyimpan salinan dan/atau menggunakan Notifikasi sebagaimana jika perlu berkaitan dengan penyediaan Perkhidmatan dan untuk perlindungan kepentingan pihak Bank.

**4.0 PENGAKUAN DAN TANGGUNGJAWAB PEMOHON**

- 4.1 Pemohon mengakui dan menerima perkara berikut:-
- (a) Komunikasi dalam Notifikasi tidak boleh dijamin selamat atau tanpa kesilapan atau bebas risiko, termasuk maklumat sulit yang berpotensi untuk dipintas, rosak, hilang, dimusnahkan atau ditangguhkan dalam penghantaran;
  - (b) pihak Bank tidak menjamin bahawa Notifikasi yang dihantar akan bebas daripada virus, atau komponen berbahaya yang lain;
  - (c) Pemohon hendaklah pada setiap masa tetap bertanggungjawab terhadap penggunaan Perkhidmatan;
  - (d) pihak Bank boleh mengikut budi bicara mutlaknya memutuskan untuk tidak menghantar Notifikasi itu;
  - (e) rekod Bank sama ada Notifikasi telah dihantar hendaklah merupakan bukti konklusif Notifikasi telah diterima.;
  - (f) pihak Bank tidak perlu mengesahkan sama ada Notifikasi telah diterima atau dikehendaki memaklumkan kepada Pemohon sekiranya berlaku penghantaran Notifikasi yang tidak berjaya.
- 4.2 Pemohon hendaklah memaklumkan kepada pihak Bank dengan segera tentang sebarang perubahan dalam maklumat yang telah diberikan dalam Borang Permohonan. Pihak Bank tidak bertanggungjawab terhadap sebarang akses yang tidak dibenarkan kepada Notifikasi ini.
- 4.3 Pemohon tidak boleh membala Notifikasi yang dihantar oleh pihak Bank. Di samping itu, Pemohon tidak boleh merosakkan, mengganggu menjelaskan atau mengganggu Perkhidmatan atau fungsinya.
- 4.4 Sekiranya Pemohon menerima Notifikasi yang bukan ditujukan kepada Pemohon, Pemohon hendaklah dengan segera memberitahu pihak Bank, dan hendaklah setelah dimaklumkan kepada Bank, memadam, memusnahkan dan mengeluarkan dari rekod Pemohon seperti e-mel dan / atau SMS. Di samping itu, Pemohon tidak boleh menggunakan maklumat yang terkandung dalam e-mel dan / atau SMS untuk sebarang tujuan.
- 4.5 Pemohon mengakui bahawa keselamatan adalah keimbangan utama dalam akses kepada maklumat yang diberikan melalui e-mel dan / atau SMS dan bersetuju bahawa Pemohon bertanggungjawab sepenuhnya untuk penyelenggaraan dan semakan pengaturan keselamatannya mengenai akses dan penggunaan telekomunikasi, komputer atau peralatan elektronik lain atau sistem dan maklumat yang disimpan di dalamnya dan langganannya Pemohon kepada Perkhidmatan.
- 4.6 Pemohon bersetuju untuk mematuhi segala terma dan syarat yang termaktub dan sebarang arahan atau cadangan lain yang mungkin dikeluarkan oleh pihak Bank kepada Pemohon berkenaan keselamatan berhubung dengan penggunaan Perkhidmatan.